

## **Peranan Koperasi Dalam Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil: Kajian Kes Koperasi Penanaman Sawit Mampan (KPSM)**

*The Role of Cooperatives in Increasing Smallholder's Income: Case Study on Sustainable Palm Oil Cooperative (KPSM)*

Sarmila, M.S\*, Novel Lyndon, Rosniza Aznie Che Rose, Sivapalan Selvadurai & Rusyda Ramly  
Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran Dan Pembangunan (SEEDs)  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor  
\*e-mel: sarmila.mdsun@ukm.edu.my

Received: 7 August 2017; Accepted: 6 October 2017; Published: 31 December 2017

### **Abstrak**

Institusi koperasi mampu untuk memainkan peranan bagi meningkatkan pembangunan dalam komuniti melalui potensi kerjasama antara komuniti. Justeru itu, dalam industri pertanian, koperasi telah dilihat sebagai penggerak kepada usaha peningkatan ekonomi petani. Kajian bertujuan untuk menilai peranan yang telah dimainkan oleh institusi koperasi terhadap ahli yang terlibat. Satu kajian tinjauan telah dilaksanakan terhadap 40 ahli Koperasi Penanaman Sawit Mampan (KPSM) daerah Temerloh, Pahang. Kajian ini memberi fokus kepada sumbangan ekonomi dari segi peningkatan pendapatan para ahli yang terdiri daripada elemen peningkatan hasil ladang, bantuan pasaran hasil dan akses kepada input perladangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa KPSM Temerloh memainkan peranan yang tinggi dalam membantu meningkatkan hasil pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS) para pekebun sawit, membantu dalam memasarkan hasil ladang dan juga memainkan peranan dalam membantu pekebun mendapatkan akses kepada input perladangan yang perlu dalam proses memperoleh BTS yang berkualiti.

**Kata kunci** peranan koperasi, pembangunan komuniti, pekebun kecil sawit

### **Abstract**

Cooperative institutions are able to play a role in enhancing community development through the potential of collaboration among communities. Hence, in the agricultural industry cooperative are seen as a driving force for the farmer's economic growth efforts. This research aims to evaluate the roles of cooperative institutions towards its members. A study was carried out on 40 members of Temerloh district's Sustainable Palm Oil Cooperative (KPSM). The results of this study focus on economic contribution in terms of increasing members' income which also includes elements of farm produce improvement, yield market assistance and access to plantation inputs. The findings show that KPSM Temerloh plays a significant role in helping to increase palm oil palm fresh fruit bunches (FFB) production, helping to market the plantation produce and also assisting farmers to access plantation inputs in the process of obtaining good quality FFB.

**Keywords** roles of cooperation, community development, palm oil smallholders

### **PENGENALAN**

Para pembuat dasar dan juga agensi pembangunan melihat institusi koperasi sebagai model alternatif dalam usaha meningkatkan aktiviti ekonomi diperingkat tempatan berdasarkan potensi institusi ini dalam membina semangat kerjasama dalam kalangan komuniti. Kemunculan institusi koperasi telah bermula pada sekitar abad ke-18 di Eropah ketika berlakunya revolusi perindustrian. Pada ketika itu, masyarakat telah ditindas

oleh golongan bangsawan yang mana hasil kekayaan mereka telah diagihkan secara tidak adil. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya peningkatan terhadap harga barangan oleh pihak peniaga. Kesan daripada situasi tersebut telah memberi kesan yang buruk terhadap taraf hidup masyarakat terutama kepada golongan miskin. Hal yang demikian telah mencetuskan idea pergerakan koperasi di Eropah pada abad ke-19 bagi membasmi kemiskinan dalam kalangan masyarakat (Ortmann & King, 2007; Zeuli, 2002).

Institusi koperasi merupakan sebuah pertubuhan yang dibangunkan secara sukarela dan ahli koperasi bersama-sama bersatu bagi mencapai matlamat mereka dari segi ekonomi, sosial dan budaya. Pemilikan institusi koperasi dibuat secara bersama dengan melibatkan komuniti setempat dan pihak pengurusan yang terdiri daripada kalangan ahli koperasi tersebut (Fairbairn, 2003). Penyertaan masyarakat dalam koperasi dilihat dapat meningkatkan keupayaan mereka untuk melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan ekonomi (Fairbairn, 2003; Innocent & Indefila, 2014). Peranan koperasi ini bukan sahaja memberi peluang kepada penglibatan komuniti di kawasan bandar sahaja, namun ianya juga turut memberi peluang kepada komuniti di kawasan luar bandar untuk sama-sama terlibat dalam membangunkan ekonomi masing-masing melalui institusi koperasi (Ortmann & King, 2007; Prakash, 2003; Zeuli, 2002). Malahan pembangunan luar bandar semakin menjadi ketamaan bagi pembangunan sosioekonomi masyarakat (Flastilah & Ubong, 2016).

Di Malaysia, jumlah penubuhan koperasi telah menunjukkan peningkatan bilangannya. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia, bilangan koperasi pada tahun 2013 telah menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 10,914 telah didaftarkan berbanding 10,087 pada tahun 2012 (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2014). Berdasarkan statistik tersebut, peningkatan juga berlaku kepada koperasi pertanian dari 2,318 pada tahun 2013 meningkat kepada 2,547 pada tahun 2014 (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2015). Kajian oleh Tortia, Valentinov dan Iliopoulos (2013) menunjukkan bahawa koperasi dianggap sebagai salah satu organisasi yang penting dalam sektor pertanian. Organisasi koperasi bukan sahaja membantu pembangunan komuniti luar bandar namun juga dilihat sebagai organisasi yang memberi perhatian kepada pembangunan industri pertanian melalui perkhidmatan dan aktiviti bagi kebajikan petani (Dung, 2011). Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti sejauh mana institusi koperasi memainkan peranan dalam meningkatkan pendapatan para ahlinya dengan mengambil Koperasi Penanaman Sawit Mampan (KPSM) Daerah Temerloh sebagai kajian kes.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Koperasi dan Industri Pertanian**

Bidang pertanian adalah merupakan salah satu enjin dalam mengembangkan ekonomi di kebanyakan negara (Kumar et al., 2015). Pada masa yang sama, koperasi pertanian juga telah dilihat sebagai salah satu organisasi yang penting dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial dalam masyarakat petani (Farahat, 2004; Zeuli & Radel, 2005). Keadaan ekonomi di luar bandar perlu diubah bagi meningkatkan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan kepada petani (Siti Aminah, Kadaruddin & Azahan, 2016) dan pembangunan adalah perlu bagi menampung dan meneruskan kehidupan (Nasir, Mohmadisa, Mohamad Suhaily Yusri, Yazid, Kamarul & Zahid, 2013). Menurut *International Labour Organization*, koperasi pertanian ditubuhkan bagi mengurangkan masalah kemiskinan komuniti setempat seperti di Mesir, Tanzania dan Euthopia. Koperasi pertanian juga berperanan dalam membantu para petani untuk menyelesaikan masalah ketidakadilan dalam persaingan dengan pihak yang lebih besar di samping dapat memperbaiki keadaan ekonomi penduduk di kawasan luar bandar (Pischke & Rouse, 2004).

Salah satu isu yang menjadi kekangan kepada para petani luar bandar dan juga para petani berskala kecil adalah keupayaan untuk memasarkan hasil pertanian mereka. Namun, kajian oleh Nurjihan et al. (2013) mendapati institusi koperasi berupaya membantu para peladang mendapatkan harga yang lebih tinggi di pasaran bagi hasil komoditi peladang. Dalam melaksanakan usaha ini pihak koperasi membantu memberi kemudahan seperti lori kepada ahli bagi memudahkan ahli memasarkan hasil tanaman mereka. Peranan koperasi dalam membantu meningkatkan tahap ekonomi dapat dilihat melalui peningkatan pendapatan dan taraf hidup komuniti dengan mengambil peranan menjadi pembekal kepada input ladang (Farahat, 2004; Ibitoye, 2012; Kareem et al, 2012; Muhammad Shehu, 2014; Tesfoy 2013). Peningkatan pendapatan adalah merupakan salah satu elemen dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti (Siti Aminah et al., 2016).

Peranan dalam memudahkan rantaian bekalan melalui proses pemasaran dapat memberi penjimatan ke atas transaksi dan kos pasaran (Tortia et al., 2013). Keadaan ini jelas dapat dilihat dengan peningkatan hasil tanaman komuniti melalui bantuan bekalan input yang mencukupi yang diperolehi. Bahan input seperti baja, bahan kimia dan biji benih yang berkualiti tinggi boleh diperolehi oleh para petani pada harga yang

berpatutan dengan bantuan koperasi (Tesfey & Tadele, 2013). Selain dari membantu petani mendapatkan input pertanian, kajian lepas berkaitan koperasi pertanian juga mendapati koperasi membantu dalam memastikan produk yang dikeluarkan oleh petani adalah berkualiti tinggi. Koperasi pertanian membantu memberi panduan kepada komuniti melalui usaha memberi pendedahan pengetahuan dalam bidang pertanian yang mampu untuk memberi peningkatan terhadap hasil pertanian. Peningkatan hasil pertanian ini merupakan salah satu faktor yang menarik minat masyarakat luar bandar untuk menyertai koperasi (Farahat, 2004).

Secara umumnya, koperasi pertanian dapat diklasifikasikan kepada tiga jenis utama mengikut aktiviti utama koperasi. Kategori yang pertama adalah koperasi pertanian yang terlibat dalam aktiviti pemasaran hasil pertanian komuniti. Koperasi pemasaran hasil pertanian ini bertujuan untuk membantu ahli koperasi untuk melakukan tawar-menawar bagi mendapatkan harga yang lebih baik dalam pemasaran. Koperasi pasaran pertanian ini juga turut berperanan sebagai pengendali dalam isu pemasaran bagi memudahkan ahli mereka. Koperasi ini turut menjalankan aktiviti pembuatan serta penjualan produk ladang. Koperasi pertanian yang seterusnya adalah koperasi bekalan ladang. Koperasi ini menjalankan aktiviti membeli dalam jumlah yang diperlukan melalui pembuatan, pemprosesan hasil, dan mengedarkan bekalan ladang. Koperasi bekalan ladang ini juga turut mengedarkan input perladangan seperti benih tanaman, makanan, bahan kimia, produk petroleum dan peralatan perladangan. Koperasi yang seterusnya adalah koperasi perkhidmatan pertanian. Koperasi perkhidmatan pertanian ini menjalankan aktiviti seperti pengeringan hasil tanaman, pengairan, kredit ladang, utiliti dan insurans kepada ahli koperasi (Ortman & King, 2007). Kesemua jenis koperasi pertanian ini berperanan membantu komuniti dalam meningkatkan prestasi ahlinya dalam industri pertanian.

## METODOLOGI

### Latar Belakang Kajian Kes: Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM)

Kajian ini telah mengambil Koperasi Penanaman Sawit Mampan (KPSM) sebagai kajian kes. Penubuhan KPSM adalah merupakan salah satu program di bawah *Sustainable Palm Oil Cluster (SPOC)* oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Objektif SPOC adalah untuk memastikan pekebun sawit dapat mengeluarkan hasil sawit secara mampan manakala objektif penubuhan KPSM adalah untuk menyatukan pekebun sawit supaya mereka dapat menjalankan aktiviti atau projek bagi kebaikan bersama seperti meningkatkan pengeluaran dan kualiti buah tandan segar (BTS). KPSM Temerloh adalah koperasi yang telah didaftarkan pada 1 Julai 2011. Kawasan koperasi ini meliputi 10 mukim di daerah Temerloh iaitu mukim Bangau, mukim Jenderak, mukim Kerdau, mukim Lebak, mukim Lipat Kajang, mukim Mentakab, mukim Perak, mukim Songsang, mukim Sanggang dan mukim Semantan. Pejabat pentadbiran KPSM ini terletak di Kampung Paya Soh yang terletak 50 km dari Bandar Temerloh dan 40 km dari Bandar Jerantut. Sehingga kini (2016) bilangan ahli KPSM adalah seramai 64 orang.

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan menggunakan soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data. Sebanyak 64 borang soalselidik telah diedarkan kepada populasi kajian iaitu ahli koperasi KPSM Temerloh dengan bantuan enumerator dan pegawai MPOB Daerah Temerloh. Seramai 40 ahli koperasi telah bersetuju untuk turut serta dalam kajian ini dan telah mengisi soal selidik yang diberikan. Terdapat dua bahagian dalam soal selidik. Bahagian pertama adalah maklumat demografi dan bahagian kedua adalah soal selidik berkaitan komponen peningkatan pendapatan, pasaran hasil tanaman dan akses kepada input perladangan. Ujian kebolehpercayaan bagi nilai Alpha Cronbach adalah 0.968, 0.889 dan 0.944 masing-masing. Hasil data soal selidik telah dianalisis secara deskriptif dengan melihat peratusan dan purata min serta sishan piawai dengan bantuan perisian SPSS. Hasil purata min setiap elemen akan di tentukan tahapnya berdasarkan kepada skala tahap julat skor min oleh Landell (1997). Berdasarkan Jadual 1, 1.00 sehingga 2.39 diklasifikasi pada tahap rendah diikuti pula dengan 2.40 sehingga 3.79 yang berada pada tahap sederhana. Manakala bagi tahap tinggi pula adalah pada sekitar julat 3.80 sehingga 5.00.

**Jadual 1** Julat skor min


Kod Kumpulan	Julat	Tahap
1	1.00-2.39	Rendah
2	2.40-3.79	Sederhana
3	3.80-5.00	Tinggi

Sumber: Landell (1997)

## HASIL KAJIAN

### Latarbelakang Responden

Berdasarkan latar belakang responden, golongan lelaki mendominasi (100%) industri sawit melalui penglibatan mereka sebagai ahli koperasi KPSM. Keadaan ini telah menunjukkan bahawa golongan lelaki lebih cenderung untuk terlibat dalam koperasi pertanian. Majoriti daripada ahli koperasi terdiri daripada mereka berumur antara 40 hingga 50 tahun (40%) diikuti dengan mereka yang berumur 51 hingga 60 tahun (37.5%). Hasil kajian mendapati hanya 2.5 peratus sahaja responden yang berumur kurang daripada 40 tahun yang terlibat dalam koperasi KPSM ini dan peratusan ini lebih rendah daripada mereka yang berumur 60 hingga 70 tahun yang mencecah sebanyak 20 peratus (Rajah 1).




**Rajah 1** Umur ahli KPSM

Berdasarkan kepada maklumat pendapatan pula hasil kajian ini menunjukkan bahawa, majoriti daripada ahli mempunyai pendapatan dalam lingkungan RM 1,000 hingga RM 2,000 sebulan adalah seramai 32 orang responden (80%). Hanya segelintir daripada mereka mempunyai pendapatan RM 3,000 hingga RM 4,000 iaitu seramai 8 orang responden sahaja (Rajah 2). Majoriti daripada responden juga menjalankan aktiviti perladangan ini di atas tanah persendirian yang mana seramai 27 orang (67.5%) daripada mereka. Manakala bagi tanah pajak pula adalah seramai 6 orang responden (15%) dan selebihnya adalah merupakan mereka yang mengusahakan tanah keluarga iaitu seramai 7 orang (17.5%) (Rajah 3).



**Rajah 2** Pendapatan bulanan hasil sawit



**Rajah 3** Status tanah tanaman sawit

### Peningkatan Pendapatan Ahli

Didapati bahawa KPSM daerah Temerloh telah menyumbang kepada purata min yang tinggi dalam peningkatan pendapatan hasil iaitu sebanyak 4.47. Jika dilihat kepada analisis kajian, didapati bahawa pihak koperasi telah membantu komuniti ahli dalam peningkatan tanaman (min=4.55) dan seterusnya peningkatan pengeluaran (min=4.57) dan penjualan BTS (min=4.52). Secara tidak langsung keadaan ini mampu untuk meningkatkan taraf hidup Pekebun Kecil Sawit (PKS) (min=4.52). Terdapat pelbagai aktiviti ekonomi yang diperkenalkan oleh KPSM kepada PKP (min=4.25) yang bertujuan untuk menambah baik taraf hidup komuniti ahli (min=4.32). Pihak koperasi juga sering melakukan pemantauan terhadap hasil pengeluaran dari semasa ke semasa (min=4.45). Hasil kajian telah menunjukkan bahawa pihak koperasi prihatin dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan ahli (min=4.55). Keseluruhan hasil kajian menunjukkan koperasi KPSM telah membantu meningkatkan pendapatan PKS pada tahap yang tinggi melalui perspektif ahli. Hasil kajian ini selari dengan kajian Tesfoy et al. (2013) yang menyatakan bahawa pihak koperasi membantu dalam meningkatkan taraf hidup melalui peningkatan hasil pengeluaran. Peningkatan ini dapat dilihat dalam kajian ini melalui bantuan koperasi meningkatkan hasil, meningkatkan pengeluaran BTS, penjualan BTS, mendapatkan persijilan MPSO dan melalui harga BTS yang mana masing-masing menunjukkan skor min yang tinggi (Jadual 2).

**Jadual 2** Peningkatan pendapatan ahli

Pernyataan	Purata	Sisihan Piawai
1. Koperasi membantu dalam peningkatan tanaman	4.55	0.78
2. Koperasi membantu meningkatkan hasil pengeluaran BTS	4.57	0.78
3. Koperasi membantu dalam peningkatan jualan hasil BTS	4.52	0.78
4. Koperasi membantu mendapatkan persijilan MPSO	4.55	0.81
5. Harga BTS yang diberi mampu meningkatkan taraf hidup	4.52	0.82
6. Koperasi memperkenalkan banyak aktiviti ekonomi meningkatkan pendapatan tahunan	4.25	0.84
7. Pelbagai aktiviti ekonomi dijalankan untuk menambah baik taraf hidup ahli	4.32	0.76
8. Koperasi sentiasa melakukan pemantauan terhadap hasil pengeluaran	4.45	0.78
9. Koperasi prihatin dalam usaha meningkatkan pendapatan ahli	4.55	0.78
<b>Purata Min</b>	<b>4.47</b>	

### Akses Kepada Input Perladangan

Berdasarkan hasil dapatan kajian (Jadual 3), koperasi KPSM juga telah menyediakan akses yang baik terhadap bekalan input perladangan yang mana hasil purata min telah mencatatkan nilai sebanyak 4.26. Akses kepada input pertanian ini diwakili oleh item akses kepada baja tanaman (min=4.02), kemudahan anak pokok (min=4.32), memperkenalkan racun kimia (min=4.30), bantuan pihak pengurusan koperasi dalam mendapatkan input perladangan yang berkualiti (min=4.45) di samping menyampaikan maklumat berkaitan akses kepada input perladangan kepada PKS (min=4.52). Pihak PKS mengakui baja berkualiti dapat membantu mereka untuk meningkatkan hasil BTS (min=4.45), namun, harga baja yang ditawarkan oleh pihak koperasi kepada ahli adalah agak tinggi (min=3.82). Hasil kajian ini adalah selari dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Farahat (2004) yang menunjukkan bahawa koperasi dapat membantu komuniti dengan memberi bantuan menerusi akses kepada input pertanian.

**Jadual 3** Akses kepada input

Pernyataan	Purata	Sisihan Piawai
1. Koperasi membantu mendapatkan baja	4.02	0.80
2. Koperasi membantu membeli baja pada harga rendah	3.82	0.81
3. Baja berkualiti membantu meningkatkan hasil BTS	4.45	0.78
4. Melalui koperasi pekebun mudah mendapatkan akses kepada bekalan anak pokok dan baja	4.32	0.76
5. Koperasi membantu memperkenalkan racun kimia	4.30	0.75
6. Pengurusan sentiasa membantu dalam mendapatkan input berkualiti	4.45	0.78
7. Koperasi membantu menyampaikan maklumat berkaitan sumber input ladang	4.52	0.78
<b>Purata Min</b>	<b>4.26</b>	

### Pasaran Hasil Tanaman

Penelitian bantuan koperasi dari aspek pasaran hasil tanaman mendapati nilai purata min bagi aspek ini adalah 3.47 (Jadual 4). Perincian terhadap item-item yang mewakili bantuan pasaran hasil tanaman ini mendapati pihak PKS bersetuju pihak koperasi telah membantu ahli dengan menyediakan infrastruktur yang lengkap bagi memudahkan mereka menjalankan proses pengutipan buah tandan segar (BTS) (min=4.15) dan seterusnya membuat jualan hasil (min=4.17). Pihak PKS juga bersetuju bahawa pihak koperasi telah membantu membolehkan proses pengutipan BTS yang lebih efisien (min=4.52) dan koperasi juga telah menawarkan harga pembelian BTS yang lebih tinggi dan stabil (min=4.07). Keadaan ini dijelaskan lagi dengan skor yang rendah bagi item PKP selesai menjual BTS kepada peraih buah (Fruit Dealer –FD) dan juga item yang menyatakan harga yang ditawarkan oleh pihak swasta selain koperasi adalah lebih tinggi (min=2.90). Dapatan dari analisis kajian ini juga memperlihatkan apa yang telah dinyatakan oleh United Nations (2009), bahawa penyediaan ruang pasaran untuk hasil tanaman ia telah membolehkan pihak koperasi untuk memberi tawaran harga yang lebih baik kepada komuniti ahli.

**Jadual 4** Pasaran hasil tanaman

<b>Pernyataan</b>	<b>Purata</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
1. PKP selesa menjual BTS kepada kilang	3.07	0.35
2. Lebih selesa jual BTS kepada peraih buah (FD)	2.97	0.36
3. Harga BTS yang ditawarkan pihak swasta lebih tinggi	2.90	0.38
4. Harga BTS koperasi lebih rendah tetapi stabil	2.82	0.71
5. Harga BTS pihak koperasi lebih tinggi dan stabil	4.07	0.76
6. Kutipan BTS oleh pihak koperasi lebih efisien	4.52	0.78
7. Koperasi menyediakan infrastruktur yang lengkap untuk kutipan buah	4.15	0.97
8. Koperasi menyediakan infrastruktur yang lengkap untuk jualan BTS	4.17	0.93
<b>Purata Min</b>	<b>3.47</b>	

## KESIMPULAN

Hasil kajian berdasarkan perspektif ahli KPSM Temerloh telah mendapati koperasi ini memainkan peranan sebagai pihak yang membantu dalam usaha meningkatkan pendapatan PKS. Peranan ini dimainkan melalui aktiviti meningkatkan tanaman, hasil pengeluaran, hasil jualan dengan memasarkan hasil BTS kepada pihak pengilang dengan menawarkan harga yang lebih baik daripada yang ditawarkan oleh pihak pembeli swasta. Lanjutan dari itu hasil kajian juga telah megenalpasti elemen tindakan yang dilaksanakan dalam mencapai peningkatan hasil tanaman melalui usaha mendapatkan akses input pertanian kepada pekebun sawit terutama sekali dalam mendapatkan sumber baja yang berkualiti dan bekalan anak pokok. Secara umumnya hasil kajian ini menunjukkan bahawa institusi koperasi berperanan membantu untuk meningkatkan pendapatan para ahlinya melalui usaha peningkatan hasil dan pengeluaran juga membantu dalam menguruskan pasaran hasil dari segi harga dan kualiti pengeluaran. Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian, institusi koperasi dengan mengambil KPSM Temerloh sebagai kajian kes didapati berpotensi untuk menjadi alternatif dalam usaha membangunkan komuniti pertanian melalui sumbangan yang mampu diberikan oleh institusi ini. Kajian yang lebih terperinci dicadangkan bagi meneliti potensi sumbangan koperasi merangkumi aspek ekonomi dan juga sosial kepada para ahli bagi membantu untuk mengukuhkan lagi dapatan mengenai peranan yang mampu dilaksanakan oleh organisasi kepada para ahlinya. Seterusnya menjadikan organisasi koperasi sebagai model alternatif dalam membangunkan keupayaan para petani atau pekebun kecil tempatan.

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai oleh Dana Penyelidikan Endowment MPOB-UKM EP-2014-015 Sumbangan koperasi kepada pembangunan komuniti pekebun kecil: Kajian Kes Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM).

## RUJUKAN

- Dung, N.M. (2011). Characteristic of the agricultural cooperatives and its service performance in Bac Ninh Province, Vietnam. *International Society for Southeast Asian Agricultural Science Journal*, 17(1), 68-79.
- Fairbairn, B. (2003). *Three strategic concepts for the guidance of co-operatives: Linkage, transparency and cognition*. Canada: Centre for the Study of Co-operatives University of Saskatchewan.
- Farahat, A. (2004). *Role of agricultural cooperatives in agricultural development – the case of Menoufiya Governorate, Egypt*. Institute for Agricultural Policy, Market Research and Economic Sociology, Bonn University. Diperoleh daripada <http://www.hss.ulb.uni-bonn.de/2004/0469/0469.pdf>
- Flastilah, K. & Ubong, I. (2016). Tamu dan pembangunan luar bandar di Sabah. *Geografi*. 4(1), 56-68. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/GetFinalFile.ashx?file=bb707de3-ea4b-4146-9a20-7fde9a86a8ac.pdf>
- Ibitoye S.J. (2012). Survey of the performance of agricultural cooperative societies in Kongi State, Nigeria. *European Scientific*. 8(24), 98-114

- Inocent, Y. & Indefila, J.O. (2014). Farmers' cooperatives and agricultural development in Kwali area council federal capital territory Abuja, Nigeria. *International Journal of Humanities and Social Science*, 4(1), 161-169.
- Kareem, R.O., Arigbabu, Y.D., Akintaro, J.A. & Badmus, M.A. (2012). The impact of co-operative society on capital formation (a case study of Temidere co-operative and thrift- society, Ijebu- Ode, Ogun State, Nigeria. *Global Journal of Science Frontier Research Agriculture and Veterinary Sciences*, 12(11), 18-29.
- Kumar, A., Sharma, P. and Joshi, S. (2015). Effects of climatic factors on agricultural productivity in India: A state-wise panel data analysis. *IJBLS*, 3(1), 48-67.
- Landell, K. (1997). *Management by Menu*. London: Wiley & Sons Inc.
- Muhammad Shehu, H. (2014). The role of cooperative organizations in rural community development in Nigeria: Prospects and challenges. *Academic Research International*, 5(3), 189-197.
- Nasir, N., Mohmadisa, H., Mohamad Suhaily Yusri, C. N., Yazid, S., Kamarul, I. & Zahid, S. (2013). Perubahan pembangunan guna tanah zon pinggir pantai di Negeri Perak: Dapatan dari sistem maklumat geografi dan matriks landskap. *Geografi*, 1(2), 71-79. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/GetFinalFile.ashx?file=2c1cd651-1edf-4d44-9a71-321ad064a27f.pdf>
- Nurjihan, I, Fatimah, M.A., Alias, R. & Noor Azman, A. (2013). Determining the elements in supply chain model of the Malaysian agricultural co-operatives. *Malaysian Journal of Co-operative Studies*, 9, 1-14
- Ortmann, G.F. & King, R.P. (2007). Agricultural cooperatives: history, theory and problems. *Agrekon*, 46(1),17-29.
- Pischke, J.D.V & Rouse, J.D. (2004). *New strategies for mobilizing capital in agricultural cooperative*. Food and Agriculture Organization of the United Nations, Rome, 2004. Diperoleh daripada <http://www.fao.org/docrep/007/y5469e00.htm>
- Prakash, D. (2003). Development of agricultural cooperatives-relevance of Japanese experiences to developing countries. *14th ICA-Japan International Training Course on Strengthening Management of Agricultural Cooperatives in Asia, IDACA-Japan, 18<sup>th</sup> April 2000*.
- Siti Aminah, M., Kadaruddin, A. & Azahan, A. (2016). Transformasi luar bandar dan perubahan kehidupan masyarakat: Kajian kes di Kelantan dan Negeri Sembilan. *Jurnal Geografi*, 4(2), 83-91. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/GetFinalFile.ashx?file=f9eef386-b921-448d-a2f8-eb70fee703db.pdf>
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2015). *Gerakan Koperasi*. Diperoleh daripada <http://www.skm.gov.my/Gerakan-Koperasi>
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2014). *Statistik Koperasi*. Diperoleh daripada <http://www.skm.gov.my/Statistik-Laporan>
- Tesfoy, A. & Tadele, H. (2013). The role of cooperatives in promoting socio-economic empowerment of women: evidence from multipurpose cooperative societies in south-eastern zone of Tigray, Ethiopia. *International Journal of Community Development*, 1(1), 1-11.
- Tortia, E.C., Valentinov, V. & Iliopoulos, C. (2013). Agricultural cooperatives. *Journal of Entrepreneurial and Organizational Diversity*. 2(1), 23-36
- United Nations. (2009). Cooperatives in social development: Report of the secretary-general. *United Nations General Assembly A/64/132*. Diperoleh daripada <http://www.un.org/esa/socdev/egms/docs/2011/coops-egm-report.pdf>
- Zeuli, K. & Radel, J. (2005). Cooperatives as a community development strategy: Linking theory and practice. *The Journal of Regional Analysis & Policy*, 35(1), 44-54.
- Zeuli, K. (2002). The role of cooperatives in community development. Center for cooperatives: University of Wisconsin-Extension. Bulletin No.3 hlm 1-4. Diperoleh <https://ideas.repec.org/a/ags/joagco/46281.html>